

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Tuesday, 2 May, 2017 10:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Azman B Yasin
Subject: ALBRIGHT CHONG JUARAI 33RD SABAH AMATEUR OPEN 2017



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

02 MEI 2017/5 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

ALBRIGHT CHONG JUARAI 33RD SABAH AMATEUR OPEN 2017



Oleh Unit Media AGN

UUM SINTOK 2 MEI : Albright Chong Ming Soon, pelajar Akademi Golf Nasional UUM (AGN) telah berjaya merangkul gelaran juara pada kejohanan 33rd Sabah Amateur Open 2017 yang berlangsung di Keningau Golf and Country Club pada 28 hingga 30 April 2017.

Tekad untuk membuktikan kemampuan diri, bekas pemenang pingat emas golf SUKMA 2012 itu menjadikan kejayaannya memenangi kejohanan ini sebagai hadiah terbaik sempena sambutan hari lahirnya yang ke-20 tahun apabila berjaya bangkit dari ketinggalan mata dengan mencatat jumlah pukulan sebanyak 228.

Dalam pusingan pertama, Albright telah ketinggalan sebanyak 3 pukulan di belakang pendahulu Jordan Mobijohn dengan catatan 78 pukulan. Walau bagaimanapun, Albright bangkit dengan penuh bergaya pada pusingan kedua dengan catatan dua di atas par (74) dengan ketinggalan hanya 1 pukulan di belakang Suzairie Iqmah, pendahulu pada pusingan kedua.

Namun itu tidak menghalang Albright untuk terus memberi saingan dan tekanan pada peserta lain yang mana catatan 76 pada pusingan akhir sudah cukup baginya untuk memenangi gelaran juara kejohanan 33rd Sabah Amateur Open 2017.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Azman Yasin, Pengarah AGN nyata amat gembira menerima perkhabaran kejayaan Albright di kejohanan ini sekaligus mengungkapkan rasa bangga serta keterujaan kerana ini merupakan kejayaan kedua yang dicapai oleh pelajar AGN dalam tempoh 2 minggu selepas Muhammad Afif Muhammad Razif yang juga pelajar AGN menjuarai Johor Amateur Open 2017 yang telah berlangsung pada 19 hingga 21 April 2017.

“Saya berharap selepas ini akan ada lebih banyak lagi kejayaan yang dicapai oleh pelajar AGN dan seterusnya mengharumkan nama UUM dalam arena sukan golf tempatan mahupun antarabangsa”, tambah beliau lagi.

HABIS

Akademi Golf Nasional
Universiti Utara Malaysia
No Tel : 04-928 3591
Faks : 04-9283592



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.